

08 OCT 2003

DR MAHATHIR LANCAR YAYASAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KUBANG PASU

ALOR STAR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu di Hotel Marriott di Putrajaya pada Jumaat ini.

Pengerusi yayasan itu, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri berkata, ilham untuk penubuhan yayasan itu dicetuskan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada tahun 2000 dan ianya telah memulakan programnya dengan penubuhan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu.

Dr Ahmad Fawzi, yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata sejak penubuhannya, yayasan itu telah menganjurkan pelbagai program berorientasikan pendidikan dan pembangunan sosial untuk masyarakat di Kubang Pasu, kawasan Parlimen yang diwakili oleh Dr Mahathir.

Katanya yayasan itu merancang mewujudkan sebuah kem latihan di Sintok yang diberi nama Kem Sri Kandi Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

MNH MAI